

Pengalaman Majlis Belia Malaysia Terhadap Implementasi Dasar Belia Malaysia

Jufitri Joha¹, Syafiqah Abdul Ra~~ahim~~², ~~Ismi Arif Ismail~~³, Mohd Syazwan Kamarul

~~Bahrin~~^{2,3,4} ~~Azimi Hamzah~~³, ~~Turiman Suandi~~³

¹Unit Penyelidikan Majlis Belia Malaysia

^{2,4}Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia

²School of Education, University of Glasgow

³Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

^{3,4}Unit Penyelidikan Majlis Belia Malaysia

Koresponden: Jufitri Joha (email: jufitri1979@gmail.com)

Abstrak

~~Belia merupakan aset terpenting sesebuah Negara. Selain daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia, Majlis Belia Malaysia (MBM) merupakan pemegang taruh utama di dalam pembangunan belia Malaysia semenjak penubuhannya 1948 dan diiktiraf oleh Seksyen 49 Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668) sebagai suara rasmi belia di peringkat kebangsaan. Secara idealnya, segala perancangan, program dan aktiviti MBM dalam membangunkan belia hendaklah berpandukan Dasar Belia Malaysia dimana MBM merupakan entiti terawal yang memperjuangkan keperluan penggubalan DBM. DBM 2015-2035 merupakan edisi semakan ketiga selepas kali pertama diperkenalkan pada 1985 sebagai Dasar Belia Negara (DBN) dan edisi semakan kedua pada 1997 sebagai Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN). DBM yang telah disemak semula pada tahun 2015 ini telah menjadikan Pembangunan Belia Positif (PYD) sebagai teras utama di mana pendidikan dan pengupayaan merupakan intipati utamanya. Namun, selama ini belum ada kajian yang menerokai sejauh mana kepimpinan tertinggi MBM selaku rakan peneraju utama pembangunan belia di Malaysia memahami aspirasi pembangunan belia Negara, DBM dan hasrat KBS dalam menterjemahkannya dalam bentuk perancangan, program dan aktiviti membangunkan belia di Malaysia. Penulisan berdasarkan kKajian rintis ini bertujuan membuat penilaian awal berdasarkan sumber sekunder dan pemerhatian turut serta (*participant observation*) tentang pengalaman dan praktis kepimpinan MBM memperjuang dan mengimplemetasikan DBM. Penilaian awal ini menunjukkan bahawa MBM merujuk DBM namun tidak secara sistematik, strategik dan serius dalam merangka programnya yang menyebabkan program banyak bersifat~~

ad hoc dan tidak begitu na benar berhasil dalam dapat menyerlahkan potensi belia. Daripada empat konsep yang terdapat di dalam DBM, rata-rata barisan kepimpinan MBM hanya memahami konsep pertama iaitu had umur kerana ianya merupakan isu yang hangat dan sensitif sering diperdebatkan sehingga kini. Walaupun sebahagian besarnya mengetahui kewujudan DBM, namun mereka tidak memandang DBM sebagai dokumen falsafah pembangunan belia penting yang harus menjadi panduan utama dalam merancang dan membangunkan belia yang holistik sebaliknya lebih berminat merancang program-program segera yang dapat mengumpulkan jumlah penyertaan belia yang ramai bagi tujuan menunjukkan kekuatan pengaruh dan kekuasaan. Selain itu, ia disebabkan DBM digubah berdasarkan perancangan atas-bawah (top-down) yang banyak memenuhi hasrat kepentingan pemerintah dan bukan hasrat akar umbi belia. Walaupun segelintir pimpinan MBM terlibat dalam proses pembikinan DBM, namun mereka merasakan bahawa ia tidak melibatkan pemimpin belia secara menyeluruh di semua peringkat. *Town Hall* DBM yang dilaksanakan hanya berlaku selepas DBM telah dimuktamadkan dan dilancarkan walhal *Town Hall* sepatutnya dilakukan sebelum ia dimuktamadkan bagi menerima respon penambahbaikan dari pemimpin belia akar umbi. Natijahnya jelas tiada rasa *self belonging* terhadap DBM. Dalam persoalan implementasi DBM, kepimpinan MBM berpandangan bahawa sebenarnya MBM sudah pun melaksanakan sebahagian besar daripada yang telah digariskan oleh DBM secara langsung mahupun tidak langsung.

Katakunci: Majlis Belia Malaysia (MBM), Dasar Belia Malaysia (DBM), pembangunan belia, kepimpinan MBM, Pembangunan Belia Positif (PYD)

Pengenalan

Dasar Belia Negara (DBN) 1985 dan Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) 1997 mentakrifkan belia sebagai mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun dengan penumpuan program pembangunan diberikan fokus kepada yang berumur 30 tahun ke bawah. Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015 yang merupakan edisi semakan ketiga memberikan takrifan baru kepada belia mencakupi mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun bagi memastikan kesinambungan kepimpinan masa hadapan Negara (DBM, 2015). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2014), belia 15-30 tahun ini berjumlah sekitar 9.1 juta atau 30 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Ia menggambarkan betapa Malaysia mempunyai aset yang amat berharga dan harus diserlahkan potensinya. Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

Malaysia sebagai pemegang taruh utama pembangunan utama negara telah dan sedang melakukan usaha untuk menyerlahkan bakat dan potensi belia yang tidak ternilai termasuk mempopularkan pendekatan pembangunan belia positif (PYD) (Haslinda et al., 2013) seperti yang termaktub di dalam DBM 2015-2035. PYD secara ringkas merupakan model yang bersifat *strengths based model* dan *asset-based approach* yang menganggap belia sebagai aset berubah daripada pendekatan tradisional iaitu *deficit model* (Lerner, 2007) yang memfokuskan kepada masalah belia. Selain KBS di pihak Kerajaan, Majlis Belia Malaysia (MBM) merupakan pemegang taruh yang penting dalam pembangunan belia mewakili sektor Ngo dan diiktiraf oleh Kerajaan di bawah Seksyen 49, Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668). Salah satu fungsi utama MBM adalah untuk merancang dan melaksanakan pembangunan belia (Haslinda et al., 2013) berdasarkan DBM sebagai asasnya (Asnarulkhadi, 2009) agar DBM tidak hanya tinggal sebagai kenyataan bertulis (Azimi, 2002) tanpa dipraktikkan. Berdasarkan kefahaman dan pengalaman kepimpinan utama MBM, sejauh mana mereka benar-benar faham aspirasi pembangunan belia Negara, DBM dan hasrat KBS dalam membangunkan belia. Penelitian mendalam terhadap kefahaman dan pengalaman kepimpinan tertinggi MBM sekiranya tidak diterokai atau diselami maka akan menyebabkan berlakunya kelompongan berterusan dan ketara di antara aspirasi besar DBM dan kefahaman serta praktis pimpinan MBM.

Persoalan Kajian

Berikut merupakan persoalan kajian yang dicuba dirungkai dan dijawab dalam kertas ini:

1. Apakah itu Dasar Belia Malaysia (DBM) menurut perspektif Kepimpinan MBM?
2. Sejuah manakah kepimpinan MBM telah melaksanakan agenda DBM dalam program dan aktiviti?

Metodologi

Kertas konsep ini berdasarkan pendekatan kualitatif analisis kandungan (qualitative content analysis approach) dan pemerhatian turut serta (participant observation). Kami menilai kefahaman pemimpin MBM terhadap DBM yang berteraskan PYD dan pengalaman mereka mengimplementasikan DBM ke dalam bentuk program dan aktiviti. Sumber analisa kandungan meliputi ucapan dasar, minit mesyuarat, dokumen-dokumen MBM, keratan-keratan akhbar dan literatur berkaitan dengan DBM dan MBM. Sebagai individu yang terlibat dengan organisasi yang dikaji iaitu MBM, ia membuka ruang untuk mendapatkan data melalui

pemerhatian turut serta dalam program-program dan aktiviti-aktiviti berkaitan kepimpinan MBM. Namun langkah-langkah bagi mengelakkan bias telah diambil kira.

Dapatan dan Hujahan

Apakah itu Dasar Belia Malaysia (DBM) menurut perspektif Kepimpinan MBM?

~~Nota :- perlu define skop Kepimpinan MBM, kepimpinan tertinggi exco DT? Yang terlibat dalam MPAT?~~

Dapatan awal menunjukkan Kepimpinan MBM memahami asas dan kandungan DBM namun pelaksanaannya tidak dilakukan secara strategik dan sistematik. Hal ini jelas ditunjukkan melalui aktiviti dan program MBM. Ianya juga turut dapat dibuktikan melalui ucapan Presiden MBM (2016-2018), “bahawasanya MBM mengangkat DBM ini sebagai satu program contoh komitmen pembangunan belia dan ia dikagumi dan menarik minat negara-negara lain” (Majlis Belia Malaysia, 2015)

Terdapat juga kekeliruan apabila bercakap mengenai DBM secara umum, kebanyakan melihat kepada pelaksanaan had umur belia. Ini kerana mereka memahami kesan daripada pelaksanaan dasar dan sekiranya pihak kementerian membawa usul mengubah had umur dalam Akta Belia dan Pertubuhan Belia di parlimen. Perkara ini jelas apabila terdapat wakil belia di peringkat negeri seperti di dalam Sidang Dewan Tertinggi MBM Kali ke-101 kebanyakan ahli gabungan MBN Johor tidak bersetuju dengan DBM melalui sesi Town Hall yang telah dijalankan. Namun begitu, mereka hanya tidak bersetuju mengikut konteks pelaksanaan had umur (Majlis Belia Malaysia, 2015)

Retreat Kepimpinan Tertinggi Majlis Belia Malaysia (MBM) yang diadakan pada 26 dan 27 November 2015 di Bangkok, Thailand menyatakan MBM menerima Dasar Belia Malaysia (DBM) dengan terbuka tetapi bersyarat. Tiga (3) cadangan dikemukakan MBM dalam penerimaan DBM dalam retreat berkenaan iaitu; (i) Urusan pembangunan belia di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) sepenuhnya atau (ii) Dasar Pembangunan Belia di bawah JPM manakala aktiviti dan pelaksanaan di bawah KBS atau (iii) Mewujudkan badan berkanun sebagai contoh: Suruhanjaya Belia Malaysia (Majlis Belia Malaysia, 2015)

Sejauh manakah kepimpinan MBM telah melaksanakan agenda DBM dalam program dan aktiviti?

MBM dilihat secara dasarnya menyambut baik pelaksanaan DBM berdasarkan penubuhan biro-biro dibawah jawatankuasa kerja MBM yang berasaskan kepada sembilan (9) bidang keutamaan belia di dalam DBM (Majlis Belia Malaysia, 2016).

1 Belia 1 Kemahiran (1B1K) adalah inisiatif MBM dalam mendekati dan membantu belia bagi mendapatkan peluang kedua membina kehidupan mereka dengan memilih bidang teknikal dan vokasional (TVET) sebagai kerjaya mereka. Semenjak penubuhannya pada 2010, seramai 4,976 belia telah dibantu melalui program 1B1K untuk mendapatkan latihan di institusi-institusi kemahiran kerajaan & swasta.

Latihan kepimpinan menjadi fokus MBM dalam melahirkan pemimpin belia di bawah 30 tahun menjelang 2018 dengan penubuhan Skwad MiB 300. Begitu juga dengan inisiatif penubuhan Komuniti Sukarelawan Belia 1 Malaysia (MYVOC) yang memberi fokus kepada gerakan kesukarelaan dan kemasyarakatan MBM.

Penubuhan Federasi Kebangsaan Pekerja Belia (FKPB) membuktikan usaha MBM dalam mengangkat dan mengiktiraf pekerja belia di negara ini sejajar dengan 9 bidang keutamaan yang digariskan didalam DBM, iaitu professionalism kerja belia.

Kesimpulan dan Cadangan

Kepimpinan MBM memahami akan kandungan dan asas DBM yang berasaskan PYD. Namun perbincangan mengenai DBM hanya terhad kepada umur kerana ancaman kepada kelangsungan pertubuhan belia secara amnya.

Kepimpinan MBM juga sudah melaksanakan PYD melalui programnya dan juga turut melaksanakan DBM melalui aktivitinya.

Kajian lanjut perlu dilaksanakan dan meliputi faktor-faktor samaada MBM melaksanakan DBM, dan membincangkan fungsi DBM pada asalnya.

Rujukan

Asnarulkhadi, A.S. (2009) Kelomp~~h~~angan Dasar Belia Negara Menyangga Potensi Belia Menerusi Pendekatan Transformasi Konflik. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 1, 1-22.

Azimi H, Turiman S, Ezhar T (2002) *Persatuan Belia di Malaysia: Perkembangan dan Penyerlahan Potensi*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Akta Pembangunan Belia dan Pertubuhan Belia 2007

Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) 1997

Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035

Haslinda Abdullah, Siti Maryam Md_Nore, Dzulhailmi Dahalan, Azimi Hamzah, Steven Eric Krauss, Ismi Arif Ismail, Ezhar Taman, Turiman Suandi, Nobaya Ahmad & Sarjit S. Gill (2013), International Conference on Youth 2013.

Majlis Belia Malaysia, Nov. 2015, Ucapan Presiden Majlis Belia Malaysia dalam Majlis Perundangan Belia Negara Sidang 2 Penggal ke -30, Tahun 2015- 2016. Kementerian Belia dan Sukan

Majlis Belia Malaysia, (2015). Pembentangan Kumpulan 4, Advokasi, Antarabangsa Dan Isu Semasa, dibentangkan di Retreat Kepimpinan Tertinggi Majlis Belia Malaysia pada 26-27 November 2015 di Bangkok, Thailand.

Majlis Belia Malaysia, (2015). Minit Sidang Dewan Tertinggi Kali Ke-101, 24 November 2015 Kuala Lumpur.

Majlis Belia Malaysia (2016). Minit Mmesyuarat Jawatankuasa Kerja pertama sesi 2016-2018.

Sidang Dewan Tertinggi MBM Kali ke-101, Perkara 8.12; Ucapan oleh Sdr Manndzri Nasib berkenaan DBM.